



UTeM

اوتيوورسي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Amugerah **AKADEMIK UNIVERSITI 2022**

'Ilmuwan Madani Menjulung Kebitaraan Universiti'

1 November 2023 | Rabu | Grand Ballroom, Courtyard by Marriott Melaka



© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

CETAKAN PERTAMA 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
Ahli Clarivate Analytics

Penaung

YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin

Penasihat

YBrs. Profesor Dr. Zulkiflie Ibrahim
YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Omar

Pengerusi Pelaksana

Profesor Madya Dr. Mohd Shakir Md Saat

Ketua Editor

Profesor Madya Dr. Shakir Md Saat

Editor

Profesor Madya Dr. Muliati Sedek
Encik Mohammad Syarin Sapuan

Pembaca Pruf

Puan Nur Azriah Amir

Pereka Kulit dan Pengatur Huruf

Encik Ahmad Masmuliyadi Mohd Yusof
Puan Suria Abdul Rahman

Diterbitkan dan Dicetak di Malaysia oleh

Penerbit UTeM Press

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.

Tel: +606 270 1241 Faks: +606 270 1038

Visi

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

Misi

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif;
- Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional;
- Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





Kata Ali-Aliuan NAIB CANSELOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, Majlis Anugerah Akademik (AAU) dapat dianjurkan pada tahun ini. Majlis AAU adalah satu majlis pengiktirafan yang penting bagi usaha dalam menghargai dan mengiktiraf ahli akademik yang cemerlang dalam pelbagai bidang bagi tahun 2022.

Ahli akademik merupakan tunjang bagi sesebuah universiti. Tugas yang dilakukan bukan sekadar pada aktiviti pengajaran dan pembelajaran semata-mata tetapi merangkumi pelbagai aspek lain. Antaranya adalah dalam bidang penyelidikan dan penulisan. Bukan itu sahaja, ahli akademik merupakan pakar rujuk bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan juga untuk membangunkan polisi terutama melibatkan pembangunan

ekonomi dan negara. Ini membuktikan peranan ahli akademik adalah sangat besar bukan sahaja untuk pembangunan sesebuah universiti, tetapi juga untuk masyarakat.

AAU 2022 dianjurkan untuk ahli akademik UTeM yang telah melakar pelbagai kecemerlangan dalam bidang pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan, pengkomersilan dan banyak lagi. Penganjuran AAU ini secara tidak langsung bertujuan untuk mengekalkan motivasi dan kecemerlangan ahli akademik supaya senantiasa memperkasakan diri, meningkatkan daya kompetensi diri dan mengamalkan budaya inovasi dan kreatif dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Akademik Universiti bagi tahun 2022. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada semua ahli jawatankuasa yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan penganjuran AAU 2022 ini.

Sekian, terima kasih.

Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Atur Cara

**ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2022
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

TARIKH: 1 NOVEMBER 2023 , RABU

TEMPAT: GRAND BALLROOM, COURTYARD BY MARRIOTT MELAKA

- 7.30 malam : Ketibaan Para Tetamu, Pegawai Kanan dan Jemputan
- 7.45 malam : Ketibaan YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin,
Naib Canselor UTeM
- 7.50 malam : Ketibaan YBhg. Dato' Dr. Husaini bin Omar,
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- 8.00 malam : Ketibaan Dif-Dif Kehormat
- 8.05 malam : Ketibaan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Halim bin Saad,
Pro Canselor UTeM
- 8.10 malam : Ketibaan YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin,
Menteri Pendidikan Tinggi dan YBhg. Datin Seri Rosni binti Omar
- 8.15 malam : Ketibaan YAB. Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusof,
Ketua Menteri Melaka dan YABhg. Datin Seri Utama Zuriyah binti Aziz
- 8.20 malam : Ketibaan TYT Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam,
Yang di-Pertua Negeri Melaka dan
YABhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman
- 8.30 malam : - Lagu Negaraku & Melaka Maju Jaya
- Nyanyian Lagu UTeM Terbilang
- Bacaan Ikrar Rukun Negara
- Bacaan Doa
- Ucapan Aluan oleh Naib Canselor UTeM
- Persembahan Montaj Makan Malam Konvokesyen ke-19
- Jamuan Makan Malam Diiringi Persembahan Briged Seni Melaka

9.45 malam : Persembahan Montaj Anugerah Akademik Universiti 2022

9.50 malam : Penyampaian Anugerah Akademik Universiti Tahun 2022

- Anugerah Penerbitan Buku
- Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal
- Anugerah Kualiti Makalah Jurnal
- Anugerah Khas Kumpulan
- Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk
- Anugerah Penyampaian Pengajaran Inovatif
 - Kategori Pengalaman Pembelajaran Imersif
 - Kategori Inovasi PdP TVET
- Anugerah Khas Kumpulan Penyelidikan
- Anugerah Khas Kumpulan Komuniti

Persembahan oleh Kumpulan Briged Seni Melaka

Sambungan Penyampaian Anugerah Akademik Universiti Tahun 2022

- Anugerah Penjanaan Pendapatan
 - Kategori Individu
 - Kategori PTj
- Anugerah Penyelidikan
- Anugerah Pengajaran
- Anugerah Akademik Harapan
- Anugerah Tokoh Akademik

10.40 malam : Penyampaian Cenderamata

10.45 malam : TYT Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam,
Yang di-Pertua Negeri Melaka dan
YABhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman
meninggalkan majlis
: Jemputan bersurai meninggalkan majlis

Anugerah Akademik Universiti

Anugerah Akademik Universiti adalah pengiktirafan tertinggi oleh universiti terhadap kecemerlangan staf akademik di UTeM. Kecemerlangan dan pencapaian yang diiktiraf adalah meliputi bidang pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan, pengkomersilan dan banyak lagi. Anugerah ini juga bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan yang telah dicapai oleh staf akademik sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, anugerah ini juga diwujudkan sebagai satu aspirasi untuk staf akademik universiti meningkatkan pencapaian kecemerlangan dan sumbangan dalam mengharumkan nama universiti di peringkat yang lebih tinggi. AAU yang kini menginjak usia penganjuran ke tahun yang ke-14 telah bermula sejak 2009 dilihat menjadi pemangkin aspirasi untuk staf akademik meningkatkan pencapaian kecemerlangan dan sumbangan dalam mengharumkan nama universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dalam mengekalkan dan memperbaharui anugerah-anugerah yang dianugerahkan dalam Majlis AAU, universiti memberikan pengiktirafan kepada pelbagai bidang kecemerlangan, termasuk pengajaran, penyelidikan, inovasi, dan penerbitan ilmiah. Manakala, bermula tahun 2022 anugerah bagi Anugerah Inovasi e-Pembelajaran telah ditukar kepada Anugerah Penyampaian Pengajaran Inovatif (APPI). Pewujudan Anugerah Penyampaian Pengajaran Inovatif (APPI) adalah bagi menyemarakkan dan berkongsi amalan terbaik pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan tinggi dan persekitaran akademik. Ianya juga adalah selaras dengan Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi: Rekabentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif (AKRI). Manakala, anugerah-anugerah sedia ada yang lain masih dikekalkan. Senarai anugerah-anugerah pada tahun 2022 adalah seperti berikut;

1. Anugerah Tokoh Akademik
2. Anugerah Akademik Harapan
3. Anugerah Pengajaran

4. Anugerah Penerbitan Buku
 - i. Bidang Sains Teknologi
 - ii. Bidang Sains Kemanusiaan dan Sains Sosial
5. Anugerah Penyelidikan
6. Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk
7. Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal
8. Anugerah Kualiti Makalah Jurnal
9. Anugerah Khas Kumpulan

Penganjuran Majlis AAU 2022 bakal menyaksikan pertambahan empat (4) kategori anugerah baharu seperti berikut;

1. Anugerah Penjanaan Pendapatan
 - i. Kategori Individu
 - ii. Kategori PTj
2. Anugerah Penyampaian Pengajaran Inovatif
 - i. Kategori Pengajaran Transformatif
 - ii. Kategori Pengalaman Pembelajaran Imersif
 - iii. Kategori Inovasi PdP TVET
3. Anugerah Khas Kumpulan Penyelidikan
4. Anugerah Khas Kumpulan Komuniti

ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2009



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2010



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2011



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2012



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2013



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2014



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2015



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2016



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2017



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2018



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2019



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2020



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2021

Anugerah **TOKOH AKADEMIK**



Anugerah Tokoh Akademik UTeM adalah satu pengiktirafan yang berprestij. Penghormatan ini diberi kepada individu yang bergelar Profesor yang telah berjaya mencapai tahap kecemerlangan yang sangat tinggi dalam dunia akademik dan telah memberikan sumbangan yang besar kepada universiti dan masyarakat secara keseluruhannya.

Anugerah ini dipertimbangkan bagi calon yang telah menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.

Calon juga hendaklah berkhidmat sebagai staf akademik di universiti tempatan selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun serta telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti. Calon juga haruslah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik, seorang yang komited serta terlibat secara menyeluruh dalam proses penemuan dan penerokaan ilmu.

Pemberian Anugerah ini adalah berdasarkan kepada Jawatankuasa Pencarian Tokoh Akademik yang di pengurusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

Anugerah AKADEMIK HARAPAN

Anugerah Akademik Harapan bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf akademik muda yang berkemampuan dan berkaliber. Penerima Anugerah Akademik Harapan ialah seorang staf yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dan menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu. Selain itu, anugerah ini diharap dapat memberikan dorongan kepada staf akademik muda lain untuk terus berusaha mencapai tahap kecemerlangan dan berperanan penting dalam perkembangan universiti dan negara.

Untuk anugerah ini, calon mesti berumur 38 tahun dan kebawah pada 1 Januari 2022 dan telah berkhidmat sebagai staf akademik di UTeM selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun secara kumulatif. Calon mestilah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik, bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara holistik dan membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Kriteria Penilaian:

- **Pengajaran dan Penyeliaan**
- **Penulisan dan Penerbitan**
- **Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan**
- **Perundingan**
- **Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat**

CALON-CALON AKHIR ANUGERAH:

- i. **DR. RIDHWAN BIN JUMAIDIN**
- ii. **TS. DR. AL AMIN BIN MOHAMED SULTAN**
- iii. **TS. DR. HAZRIQ IZZUAN BIN JAAFAR**



DR. RIDHWAN BIN JUMAIDIN
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
MEKANIKAL DAN PEMBUATAN

Dr. Ridhwan bin Jumaidin memulakan kerjaya akademik di UTeM sebagai tutor pada tahun 2009 di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan seterusnya sebagai pensyarah pada tahun 2012. Pada tahun 2017 beliau telah menerima PhD dan menjadi pensyarah kanan di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal


dan Pembuatan (FTKMP). Sepanjang perkhidmatan, beliau terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar prasiswazah dan pascasiswazah. Dari segi penyeliaan pelajar pascasiswazah, beliau telah menyelia seorang pelajar Sarjana dan seorang pelajar PhD dan kini sedang menyelia dua pelajar PhD sebagai penyelia utama dan satu pelajar PhD sebagai penyelia bersama.

Dari segi penulisan dan penerbitan beliau telah menerbitkan lebih dari 110 artikel dalam pelbagai bentuk penerbitan seperti Jurnal berimpak tinggi Q1 dan Q2, Jurnal berindeks *Web of Science* (WoS) dan SCOPUS, bab dalam buku, dan prosiding antarabangsa. Beliau juga telah menerbitkan senaskah buku melalui penerbit antarabangsa *Taylor and Francis* dalam bidang bio-komposit. Hasil penerbitan beliau telah menjadi rujukan dari pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa dengan jumlah rujukan terkini melebihi 2640 sitasi dengan nilai *H-index 25* dari *Google Scholar* dan *H-index 20* dari SCOPUS. Sehingga kini beliau telah menerima empat geran sanjungan penerbitan jurnal untuk tahun 2018, 2019, 2021, dan 2022 berjumlah RM45,000. Beliau juga terlibat secara aktif sebagai penilai artikel bagi jurnal-jurnal berimpak tinggi dan telah menilai lebih dari 70 artikel jurnal.

Dari segi penyelidikan, beliau terlibat dalam pelbagai jenis geran seperti FRGS-RACER, FRGS, Geran Industri, Geran *Collaborative Research*, Geran Penyelidikan Jangka Pendek, Geran Penyelidikan Jangka Pendek Prototaip, Geran Antarabangsa, Geran PPRN, dan Geran Penyelidikan Pendek Berimpak tinggi sebagai penyelidik utama dan penyelidik bersama dengan jumlah keseluruhan geran bernilai lebih dari RM1.5 juta. Hasil penyelidikan yang dilakukan dalam bidang bio-komposit juga telah diterjemahkan dalam pelbagai bentuk inovasi yang berkonsepkan produk mesra alam. Produk-produk yang dihasilkan ini telah berjaya merangkul pelbagai anugerah seperti pingat Emas di *Malaysia Technology Expo*, pingat Emas di ITEX, pingat emas di PECIPTA dan juga *Outstanding Innovation Award* di Malaysia Technology Expo. Secara keseluruhan beliau telah menerima lebih dari 20 pingat kebangsaan dan antarabangsa dalam inovasi produk. Sebanyak empat hak cipta telah berjaya difailkan bagi produk yang dihasilkan.

Beliau juga terlibat secara aktif dalam aktiviti bersama masyarakat di peringkat kebangsaan dan pernah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Persatuan Pembangunan Industri dan Enau Malaysia. Dari segi pengiktirafan antarabangsa, beliau telah disenaraikan sebagai *World Top 2% Scientist* oleh Elsevier BV, Stanford Universiti pada tahun 2022.

TS. DR. AL AMIN BIN MOHAMED SULTAN FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN



Ts. Dr. Al Amin bin Mohamed Sultan telah memulakan kerjaya di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, UTeM pada 10 September 2009 dan dilantik sebagai pensyarah pada 10 Februari 2012 setelah menyelesaikan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Industri dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pada Oktober 2018, setelah berjaya menamatkan pengajian Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari University of Manchester, beliau telah dilantik sebagai Pensyarah kanan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Antara subjek pengajaran beliau ialah Penyelenggaraan Produktif Keseluruhan, Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan, Prinsip Pengurusan, Pengurusan Pembuatan, Pengurusan Projek, Projek Rekabentuk Bersepadu, Pengurusan Teknologi Kejuruteraan dan lain-lain subjek yang merangkumi peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran. Beliau juga telah menyelia lebih 50 orang pelajar latihan industri, lebih 20 orang projek sarjana muda, 2 projek ijazah sarjana secara kursus, dan kini sedang menyelia 7 pelajar pascasiswazah mod penyelidikan sebagai penyelia pertama dan kedua.

Ts. Dr. Al Amin merupakan Pengetua di Kolej Kediaman Satria Tuah. Beliau juga adalah Timbalan Pengerusi Kumpulan Penyelidikan *Sustainable and Responsive Manufacturing* (SUSREM), Presiden Persatuan Alumni Chapter Staf, Penasihat bagi persatuan pelajar fakulti dan menganggotai pelbagai Jawatankuasa di fakulti dan universiti. Beliau pernah menyandang jawatan Penyelaras CoE-CoSSID dan Felo kolej Kediaman. Beliau juga telah dilantik sebagai *Technical Advisor Committee* Program Teknologi Pemesinan Industri, di Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd Zain.

Beliau telah menjayakan lebih 20 projek perundingan yang bernilai lebih RM400,000 selain menjayakan empat Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Industri dan Universiti luar negara. Beliau mempunyai geran nasional dan geran dalaman UTeM sebagai penyelidik utama selain beberapa geran antarabangsa dan industri sebagai penyelidik bersama, yang mana secara kumulatif nilainya melebihi RM650,000. Dalam bidang penulisan pula, beliau telah menerbitkan banyak artikel dalam 20 jurnal berimpak sebagai penulis utama dan penulis bersama, *proceeding*, dan bab dalam buku termasuk satu buku karya kreatif. Beliau juga aktif menyebarkan pengetahuan melalui penulisan untuk majalah *The Institution of Engineers Malaysia* (IEM), ulasan isu semasa dalam surat khabar utama seperti Berita Harian dan terlibat sebagai panel slot kapsul Inspirasi yang disiarkan setiap hari di TV Al Hijrah.

Beliau merupakan atlet petanque UTeM yang telah menyumbang pingat gangsa pada Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) pada tahun 2018 dan masih aktif mewakili universiti dalam kejohanan pelbagai peringkat. Beliau juga adalah Penerima Saguhati Anugerah Akademik Universiti kategori Kualiti Makalah pada tahun 2019 dan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2021.



TS. DR. HAZRIQ IZZUAN BIN JAAFAR
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Ts. Dr. Hazriq Izzuan bin Jaafar telah memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengurus di TM Berhad pada tahun 2008. Dengan memiliki minat yang tinggi dalam dunia akademik, beliau kemudiannya berhijrah ke UTeM sebagai tutor, pensyarah dan pensyarah kanan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) pada tahun 2010, 2013 dan 2016. Dengan kredibiliti kepimpinan yang

dimiliki, beliau telah dilantik sebagai Ketua Jabatan (Pengajian Diploma) pada tahun 2015 dan Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar) pada tahun 2020. Beliau merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan telah menerima tiga (3) Anugerah iaitu *Best Postgraduate Student Award*, *Alumni Award* dan *Best Thesis Award* sempena Majlis Konvokesyen UTM yang ke-64, 2021.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam bidang Kejuruteraan Kawalan. Beliau juga telah menyelia 25 pelajar Projek Sarjana Muda dan 26 pelajar Projek Diploma. Malah beliau turut menggraduatkan 4 pelajar pascasiswazah termasuk dalam bidang penyelidikan dan kerja khusus. Ketika ini, beliau sedang menyelia empat pelajar Doktor Falsafah di mana satu daripadanya adalah sebagai penyelia utama. Hasil usaha yang berterusan, beliau telah memperolehi dua kali Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu pada tahun 2015 dan 2021.

Dalam bidang penyelidikan, beliau telah menerima keseluruhan hampir 20 geran penyelidikan sebagai penyidik utama dan bersama dalam pelbagai peringkat berjumlah RM1,108,248. Beliau telah menerbitkan sebanyak 85 buah makalah jurnal dan prosiding dengan jumlah keseluruhan sitasi SCOPUS sehingga kini adalah 1202 dan *H-Index 16*. Beliau telah berjaya menerbitkan 8 jurnal Q1 berimpak tinggi dengan kumulatif *Impact Factor (IF)* berjumlah 47.939. Dengan kepakaran yang dimiliki, beliau telah menilai sebanyak 256 manuskrip jurnal berimpak tinggi berdasarkan pengkalan data *Web of Science (Wos)*.

Di samping itu, beliau telah mengetuai Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Go-SaVE UTeM sehingga mencapai kecemerlangan tertinggi di peringkat Antarabangsa pada 2016. Beliau turut menjadi Pemeriksa Teknikal bagi pertandingan Robocon Malaysia 2018. Pada tahun 2020, beliau berjaya menerima sijil kompetensi bagi *Real Time Control Design and Simulation for Industry 4.0* oleh pihak SIRIM. Beliau turut dilantik sebagai Jawatankuasa Eksekutif bagi Persatuan Simulasi Malaysia dan *Associate Editor* bagi *Journal Applications of Modelling and Simulation* pada tahun 2021 sehingga kini. Beliau juga turut aktif dalam bidang sukan di mana beliau mewakili pasukan Negeri Melaka dan UTeM dalam kejohanan Hoki MAKSAK, SUKANUN, SUKUM dan lain-lain ketika ini.

Anugerah PENGAJARAN



Anugerah Pengajaran bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada staf akademik yang telah melaksanakan tanggungjawab pengajaran dan bimbingan pelajar dengan penuh dedikasi, komited, dan sempurna selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun, untuk menghasilkan siswazah yang berkualiti tinggi.

Pengajaran dalam konteks ini didefinisikan sebagai aktiviti kreatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar.

Penilaian calon bagi anugerah pengajaran adalah berdasarkan kepada elemen inovasi dan keserjanaan dalam kriteria berikut :

- Falsafah pengajaran
- Pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengajaran
- Persediaan pengajaran
- Kaedah pengajaran
- Kaedah penilaian hasil pembelajaran
- Bimbingan dan penyeliaan

CALON AKHIR ANUGERAH:

i. DR. RAHIFA BINTI RANOM



DR. RAHIFA BINTI RANOM
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Dr. Rahifa binti Ranom merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Memulakan karier sebagai staf akademik di UTeM pada tahun 2006. Beliau memperoleh PhD dalam bidang *Applied Mathematics* dari *University of Southampton, UK*. Falsafah pengajaran beliau adalah menyediakan pembelajaran yang menarik; *"It's got to be engaging"* di mana pembelajaran berlaku ketika pelajar terikat

dalam persekitaran di mana mereka tidak dapat melarikan diri tanpa berfikir.

Keterlibatan dalam kelas berlaku apabila pelajar seronok menyelesaikan tugas, komited dengan aktiviti pembelajaran dan menyelesaikan masalah bersama-sama seterusnya mewujudkan persekitaran positif.

Pelbagai kreativiti pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan di dalam kuliah seperti *Game-based challenge, think-pair-share and jigsaw puzzle*. Pembelajaran aktif dan kolaboratif ini dapat mewujudkan persekitaran dinamik dan pelajar boleh berfungsi dengan berkesan dan bekerja secara kolaboratif sesama mereka. Penggunaan aplikasi pendidikan seperti *Kahoot, Padlet, Quizlet, Mentimeter, Piktochart, Classapp* dapat memberi suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mewujudkan kepelbagaian kaedah mengajar yang menarik dan interaktif.

Antara inovasi beliau ialah *Video Assignment* yang dapat melatih pelajar mencari maklumat untuk mendapatkan pengetahuan baru. Selain itu, beliau juga merekabentuk pelbagai aktiviti menggunakan Padlet bagi meningkatkan penglibatan pelajar. Beliau juga menerapkan pembelajaran secara sendiri (*Heutagogy learning*) di dalam kelas. Aktiviti pengajaran berpusatkan pelajar membolehkan pelajar membuat keputusan mengenai topik yang ingin diterokai melalui pelbagai sumber.

Dr. Rahifa juga telah mendapat beberapa pengiktirafan antaranya Anugerah Emas di NUCeL 2016 bagi produk *'Mastering Differential Equations'*, *'Best e-Teaching portfolio'* di InTReD'19, Anugerah Perak dan *Best Paper Award* di InTReD'21. Terdapat empat modul yang telah diterbitkan di bawah terbitan Penerbit Universiti dan satu modul terbitan *Pearson Education*. Beliau juga merupakan pembangun kandungan OCW bagi dua kursus dan pembangun MOOC dalam kursus *Differential Equations*. Selain itu, beliau juga memegang sijil *Certified Content Creator* dan *Master Trainer Educator@VLE*, Jabatan Pengajian Tinggi.

Slogan **"I TEACH I TOUCH THE FUTURE"** adalah ungkapan yang sangat bermakna buat beliau. Ia menekankan bahawa setiap tindakan dan usaha dalam pengajaran tidak hanya mempengaruhi pelajar pada masa kini, tetapi juga membentuk masa depan mereka.

Anugerah PENERBITAN BUKU

Anugerah ini diberikan untuk buku karya asli terbitan ilmiah oleh Penerbit UTeM atau anggota MAPIM. Manakala, buku ilmiah iaitu karya asli atau monograf cetakan edisi pertama dan tidak termasuk Buku Teks, Modul dan Manual.

Karya ilmiah meliputi buku yang dihasilkan berasaskan penyelidikan dan kajian yang distrukturkan mengikut bentuk formal dan mematuhi piawai penerbitan Ilmiah. Karya ilmiah yang dihasilkan mestinya memenuhi dan mematuhi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, khususnya Subseksyen 11(1) dan mana-mana akta yang berkaitan.

Setiap karya yang dicalonkan mesti juga mematuhi gaya penerbitan masing-masing secara tekal (Konsisten) mengikut gaya Penerbitan Ilmiah UTeM atau Ahli MAPIM.

Kriteria Penilaian:

- **Isi kandungan**
- **Impak ilmiah**
- **Gagasan**
- **Anatomi dan reka bentuk buku**

CALON-CALON AKHIR ANUGERAH:

- i. **PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**
- ii. **PROFESOR MADYA TS. DR. WAN HASRULLNIZZAM
BIN WAN MAHMOOD**
- iii. **DR. ZAID @ RADIN ZAID BIN RADIN UMAR**
- iv. **TS. DR. SITI NURUL MAHFUZAH BINTI MOHAMAD**



**PROFESOR DATUK TS. DR.
MASSILA BINTI KAMALRUDIN**
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI

TAJUK BUKU:
IMPROVING TECHNICAL PRODUCT QUALITY
THROUGH REQUIREMENTS ENGINEERING

SINOPSIS BUKU:

Technical products are based on a certain technology or require a technical expertise to create. An example of a technical product is a mobile application for a smartphone. A product has several attributes or characteristics that define its identity and influence customer buying decisions. Quality is an attribute that describes products capability. Product quality has become an important competitive advantage and differentiator for companies to market their products better, earn customer loyalty, establish brand recognition and gain more profits. In order to design and develop quality technical products, developer will conduct analysis to understand customers' demands, needs requirements, expectations and standard through Requirements Engineering. In Chapter One, the book introduces what is a technical product. Then, a topic on how to design and develop quality technical products is elaborated in Chapter Two. Meanwhile, an overview of what are requirements and Requirments Engineering are provided in Chapter Three. Chapter Four focuses on Requirements Engineering activites and processes. A difficult issue to handle in Requirements Engineering is not just natural language reuirements but also its multilingual nature. The issues of multilingual technical requirements are discussed in Chapter Five. An automated tool that has been developed to succesfully retrive specifications from multilingual requirements is elobarated in Chapter Six. Lastly, the requirements engineering is revisited and the quality improvements are discussed in the Chapter Seven before concluding with discussion on the future trends and way forward for this field.

**PROFESOR MADYA TS. DR.
WAN HASRULLNIZZAM BIN WAN MAHMOOD**
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
MEKANIKAL DAN PEMBUATAN



TAJUK BUKU:
SUSTAINABLE PALM OIL MILL IN MALAYSIA

SINOPSIS BUKU:

The aim of the book is to present a collection of the state of the art examples and research developments in sustainable manufacturing specifically in the Malaysian palm oil mills. It illustrates the linkages between the three primary OEE measure, availability, performance and quality; and the factors that affecting equipment effectiveness which significantly causes of efficiency loss, and thus contribute to adverse environmental impact. This signifies the great potential of OEE measure advances from a base measure of tracking equipment performance and productivity as the conventional purpose, to be a tool to improve the effectiveness of manufacturing operation towards sustainability. Besides, it provides empirical evidence to support the decision making for prioritising equipment performance in the palm oil mill to ractify sustainability at the operational level.



DR. ZAID @ RADIN ZAID BIN RADIN UMAR
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

TAJUK BUKU:
OFFICE ERGONOMICS: GUIDANCE FOR
COMPUTER OFFICE WORKERS

SINOPSIS BUKU:

Office workers are likely to be exposed to ergonomics risk factors from substandard workstation setups and poor work habits. Exposure to ergonomics risk factors in office settings often leads to discomfort and persistent pain. Common office ergonomics issues can be addressed through established and time-tested methods used by professional ergonomists. The book, written by internationally recognized professional ergonomists with decades of experience addressing ergonomics issues among office workers provides practical guidance on how to resolve common office ergonomics issues. Readers will get a compilation of know-how and practical guidance to identify and tackle common office ergonomics issues at the workplace.

TS. DR. SITI NURUL MAHFUZAH BINTI MOHAMAD
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI



TAJUK BUKU:
INTEGRATING MULTIPLE INTELLIGENCES
AND TECHNOLOGY IN AN ONLINE COURSE

SINOPSIS BUKU:

Every student has his or her thinking skills and understands a lesson differently. The change in the current technology will facilitate educators in preparing teaching activities to cater to the needs of the students. The type of technology used is not as important as compared to the opportunity given to the students to use their intelligence in the classroom. Thus, the student will become more active and receptive to his or her learning. Each of the students is unique and has different ways of thinking and learning. This also applies to students in technical education who have different potential and intelligence. Educators also have a variety of teaching styles that are closely related to students' learning styles. Therefore, educators need to provide a variety of teaching approaches that match the intelligence of the students in the class. This book, then, is focusing on teaching tools utilized by all educators. By identifying learners' level of MI, it can provide educators with the opportunity for predicting activities appropriate for both learners with a higher level of some intelligence and those who are weaker. Thus, educators need to realize that different learners have different levels and the combinations of the eight intelligences cater to different needs in learning. Exposure to the appropriate technology should combine all materials, strategies and adopted current technology. Educators need to provide effective teaching and quality classroom activities for their students. This will affect the style of learning and students' perception of the tools used by the educators. The theory of Multiple Intelligences (MI) is discussed in this book to verify whether MI has any impact on teaching and learning in the classroom. This book focuses on facilitating educators by providing teaching aids based on MI activities. Thus, the educators can reduce the preparation time for the teaching aids. Indirectly, this can motivate the educators to apply online learning and attract students' attention. In the end, academic achievement for the students can be improved and educators will be motivated to teach in the classroom via online.



Anugerah **PENYELIDIKAN**



Anugerah Penyelidikan ini merupakan satu inisiatif yang memfokuskan pengiktirafan kepada staf akademik yang telah berjaya menghasilkan penyelidikan yang bertujuan untuk penemuan ilmu dan mendorong pengembangan ilmu. Anugerah ini juga mempunyai matlamat untuk merangsang lebih banyak inovasi hasil penyelidikan dalam kalangan staf akademik di UTeM. Dengan memberi pengiktirafan kepada pencapaian penyelidikan yang cemerlang, ia mungkin akan memberi dorongan kepada staf akademik untuk terus berusaha mencapai keunggulan dalam bidang penyelidikan dan menghasilkan inovasi yang bermanfaat dalam penemuan ilmu.

Kriteria Penilaian:

- **Geran Penyelidikan**
- **Hasil Penyelidikan**
- **Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah Mod Penyelidikan**
- **Pengiktirafan dan Rujukan**
- **Anugerah**

CALON AKHIR ANUGERAH:

i. IR. TS. DR. ANUAR BIN MOHAMED KASSIM



IR. TS. DR. ANUAR BIN MOHAMED KASIM
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

A. Geran Penyelidikan	
Geran Antarabangsa	1
Geran Industri	4
Geran Kebangsaan	5
Geran Universiti	8
B. Hasil Penyelidikan	
Makalah Penyelidikan	4
Pendaftaran Harta Intelek	4
Pengkomersilan	
i. Syarikat <i>Spin-off</i> ditubuhkan tahun 2022	1
ii. Produk mula dikomersilkan tahun 2022	6
C. Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah Mod Penyelidikan	
Bergraduati	1
Dalam Tempoh Pengajian	6
D. Anugerah	
Pameran & Pertandingan	1



Anugerah

INOVASI DAN PENGKOMERSILAN PRODUK



Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk merangkumi produk berasaskan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan dan mencapai tahap pengkomersilan, memberi impak dari segi penjaan ilmu ke arah peningkatan kualiti hidup, pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi negara. Produk penyelidikan boleh merupakan reka bentuk, reka cipta, inovasi, teknologi, perisian atau proses.

Kriteria Penilaian :

- Mendapat perlindungan harta intelek (*granted*)
- Produk telah dikomersilkan (berada di pasaran)
- Memberi impak kepada pembangunan modal insan serta mendapat pengiktirafan oleh pengguna melalui publisiti (liputan media)
- Penglibatan calon dalam mengkomersilkan produk berkenaan

CALON AKHIR ANUGERAH:
i. IR. TS. DR. ANUAR BIN MOHAMED KASSIM



IR. TS. DR. ANUAR BIN MOHAMED KASIM
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Status Perlindungan Harta Intelek	4
Pingat Inovasi	1
Publisiti	2
Syarikat Terbitan Universiti (<i>Spin-Off</i>)	1
Peranan Dalam Pengkomersilan	1



Anugerah

PENGHASILAN MAKALAH JURNAL



Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal bertujuan memberikan pengiktirafan kepada staf akademik yang telah berjaya menghasilkan makalah jurnal, terutamanya penerbitan yang mendukung bidang tumpuan Universiti. Ia merupakan satu cara untuk memotivasi staf akademik untuk menyumbang penulisan dan penyebaran ilmu dalam bidang yang relevan dengan Universiti.

Kriteria Penilaian:

- Mematuhi etika penerbitan
- Pernyataan affiliasi dengan UTeM dan pernyataan penghargaan penggunaan dana yang diperolehi
- Kertas kerja untuk prosiding dan semasa persidangan tidak diambil kira dalam penerbitan jurnal
- Prosiding yang diiktiraf sebagai jurnal, adalah dibawah kategori C (jurnal berindeks selain daripada ISI dan SCOPUS)
- Sekiranya terdapat jumlah markah yang sama, jumlah markah jurnal berimpak diambil kira

CALON-CALON AKHIR ANUGERAH:

- DR. ISKANDAR BIN WAINI
- DR. NAJIYAH SAFWA BINTI KHASHI'IE
- TS. DR. FAIZ BIN ARITH



DR. ISKANDAR BIN WAINI

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis Utama (<i>Main Author</i>)	7
(ii) Penulis Bersama (<i>Co-Author</i>)	21
(ii) Penulis Koresponden (<i>Corresponding Author</i>)	7
JURNAL BERINDEKS SCOPUS / WOK	
(i) Penulis Utama (<i>Main Author</i>)	1
(ii) Penulis Bersama (<i>Co-Author</i>)	4



DR. NAJIYAH SAFWA BINTI KHASHI'IE
 FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis Utama (<i>Main Author</i>)	5
(ii) Penulis Bersama (<i>Co-Author</i>)	14
(ii) Penulis Koresponden (<i>Corresponding Author</i>)	7
JURNAL BERINDEKS SCOPUS / WOK	
(i) Penulis Utama (<i>Main Author</i>)	1
(ii) Penulis Bersama (<i>Co-Author</i>)	1
(ii) Penulis Koresponden (<i>Corresponding Author</i>)	3



TS. DR. FAIZ BIN ARITH
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis Bersama (<i>Co-Author</i>)	1
(ii) Penulis Koresponden (<i>Corresponding Author</i>)	6
JURNAL BERINDEKS SCOPUS / WOK	
(i) Penulis Bersama (<i>Co-Author</i>)	2
(ii) Penulis Koresponden (<i>Corresponding Author</i>)	3



Anugerah

KUALITI MAKALAH JURNAL



Anugerah ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada staf akademik yang telah menghasilkan kualiti makalah jurnal terbaik bagi tahun 2022.

Kriteria minimum untuk melayakkan penyertaan adalah jurnal yang berimpak tinggi melebihi 0.3 berdasarkan Pangkalan Data SCOPUS dan *Web of Science* (WoS) kecuali jurnal-jurnal yang diterbitkan oleh UTeM. Sekiranya jurnal tersebut terdapat dalam kedua-dua pangkalan data, maka, jurnal yang mempunyai impak yang tertinggi akan diambil kira.

Makalah jurnal yang dicalonkan perlu ada penghargaan (*acknowledgement*) kepada UTeM atau pemberi dana.

Hanya penulis utama (lazimnya penulis pertama) yang makalahnya beralamatkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) layak memohon. Sekiranya penulis utama bukan penulis pertama, pengesahan bertulis daripada semua penulis bersama perlu disertakan.

CALON-CALON AKHIR ANUGERAH:

- i. DR. RIDHWAN BIN JUM Aidin
- ii. DR. ISKANDAR BIN WAINI
- iii. DR. NAJIYAH SAFWA BINTI KHASHI'IE

DR. RIDHWAN BIN JUM Aidin
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
MEKANIKAL DAN PEMBUATAN



